

Rabu, 17 Jun 2020 | 2:25pm



## KPDNHEP rampas 18 tan minyak masak

**KOTA BHARU:** Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menyita 18.4 tan minyak masak dianggarkan bernilai RM46,000 yang disimpan oleh sebuah syarikat pemborong kerana melebihi had ditetapkan, dalam satu pemeriksaan di Kampung Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas di sini, semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Azanizam Affendi Juri, berkata kes itu dikesan hasil pemeriksaan di stor terbabit pada kira-kira jam 10 pagi semalam.

Beliau berkata pemeriksaan mendapati pemilik syarikat pemborong berusia 30-an itu memiliki lesen pemborong yang sah bagi menyimpan minyak masak, namun jumlahnya didapati melebihi had yang ditetapkan.

"Operasi semalam dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP Kelantan bersama lima pegawai daripada Pasukan Audit dan Naziran KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) Putrajaya," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Azanizam berkata jika sabit kesalahan, syarikat pemborong itu boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/701230/kpdnhep-rampas-18-tan-minyak-masak>